

NO. SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8227

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia yang
berumur 12 tahun ke bawah yang telah meninggal dunia sejak 10
tahun yang lepas mengikut pecahan kaum.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kanak-kanak bertaraf warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun ke bawah yang telah meninggal dalam tempoh 10 tahun lepas iaitu dari tahun 2005 sehingga September 2015 adalah seramai 41,761 orang. Statistik mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Kaum	Jumlah (Orang)
Melayu	28,151
Cina	4,270
India	2,139
Etnik Sabah	2,406
Etnik Sarawak	2,321
Lain-lain	2,474
Jumlah Keseluruhan	41,761

*Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
Tarikh kemaskini: September 2015*